

## SISTEM NILAI DALAM AL-'IMARAH

Prof. Madya Dr. Abdullah Alwi Haji Hassan

### Abstract

*This article discusses briefly the system of value in al-'Imarah according to Islamic perspective. In Islam, al-'Imarah is defined as a total development of human being, whether physically or spiritually, which may lead to a true human civilization. To achieve this end, al-'Imarah has to be based on, inter alia, the world-view of tawhid (belief in the unity of God), the concepts of khilafah (vicegerency of man) and amanah (trust-neorthiness), and also on all-encompassing ethical practicality of the Syari'ah (the revealed law of Islam). With these principles only man can alleviate the present spiritual and technological crisis in order to build a new and stable civilization in this world.*

### Pendahuluan

Tulisan ringkas ini bertujuan membentang beberapa konsep di dalam sistem nilai yang berhubung dengan *al-'Imarah* menurut pandangan Islam. Pemahaman terhadap sistem nilai dalam *al-'Imarah* ini penting sekali kepada setiap individu yang terlibat secara langsung ataupun sebaliknya dengan pembangunan ummah. Hanya dengan pemahaman terhadap sistem nilai ini sahajalah setiap program pembangunan akan dapat berjalan dengan baik dan mencapai matlamat yang sebenar, sebagaimana yang dirancangkan. Tulisan ini juga adalah satu percubaan mengemukakan beberapa pandangan Islam terhadap beberapa masalah yang berkaitan dengan *al-'Imarah* dan bagaimanakah penyelesaiannya, sekadar yang termampu oleh penulis.

## **Definisi al-'Imarah**

Perkataan *al-'Imarah*, seperti juga *'al-'Amr*, *'Umr* dan *al-'Umran*, ialah *masdar* (infinitif) dari kata kerja *'Amara*, *Ya'muru*. *'Amarah* bererti hidup lama; hidup subur; berkembang dengan biaknya. *'Ma'mur* pula bererti dimaju dan dikembangmajukan. *Al-'Imarah* bererti bangunan dan di dalam istilah moden disebut *Fann al-'Imarah*; atau *al-Fann al-Mi'mari* yang bererti sains senibina (*architecture*), dan *al-Mi'mar* bererti arkitek. *Al-'Umran* boleh diertikan sebagai kemewahan, kehidupan, berkebudayaan dan bertamadun.<sup>1</sup>

Pada kebiasaanya, apa yang diertikan dengan *al-'Imarah* ialah pengertian secara sempitnya iaitu *Fann al-'Imarah* (sains senibina), sebagaimana yang difahami di Barat. Tetapi, di dalam pengertian luasnya, perkataan ini boleh membawa makna '*civilization* (tamadun/peradaban)', yang menghubungkaitkan dengan disiplin pengacuan dan pembentukan di dalam perancangan pembangunan alam sekitar, melalui inisiatif ilmu dan tenaga manusia sendiri. Daripada dasar kata yang sama jugalah lahir perkataan *al-'Umran*.<sup>2</sup>

## **Kesepadan pengertian antara al-'Imarah dan al-'Umran**

Pengertian praktis *al-'Imarah* tidak boleh dipisahkan daripada pengertian *al-'Umran*, kerana tanpa salah satu dari kedua-duanya perkataan-perkataan ini tidak mempunyai apa-apa erti lagi. Tujuan *al-'Imarah* ialah untuk membina, membangun sesuatu bangunan, kawasan, alam sekitar, negara dan ummah. Pembangunan bertujuan membina kemajuan dan tamadun yang diistilahkan oleh orang-orang Barat sebagai

<sup>1</sup> Hans Wehr, *A Dictionary of Modern Written Arabic*, suntingan J. Milton Cowan (London, 1971), h. 643-644; E.W. Lane, *Arabic-English Lexicon*, II (Cambridge, 1984), h. 2153 - 57.

<sup>2</sup> Ibrahim Mustafa dan lainnya, *al-Mu'jam al-Wasit* (Kaherah, 1961) h. 632 - 33; M.A. Beg, *Islam And Western Concept Of Civilization* (Kuala Lumpur, 1982), h. 13 - 14; Cf. Seyyed Hossein Nasr, *Traditional Islam In The Modern World* (London, 1987), h. 227 - 36.

'civilization'. Perkataan 'civilization' ini mula dikenali dan didengar dalam abad ke-XVIII Masihi Eropah dan istilah ini dijadikan sebagai suatu istilah khusus di dalam bahasa-bahasa Eropah hanya dalam abad ke XIX Masihi. Sebelum itu, orang-orang Eropah tidak dapat memberi perspektif yang jelas mengenai maksud perkataan 'civilization' itu. Walaupun begitu, Ibn Khaldun (1.732/1332-m.808/1406), ahli sejarah dan pakar sosiologi Islam yang ulung di abad ke XIV Masihi, telah mencipta dan memperkenalkan istilah *al-'Umran* bagi menggambarkan apa yang kita kenali sekarang dengan 'civilization' (tamadun/peradaban'). Buku pertama tentang 'civilization' telah ditulis oleh beliau lama sebelum orang-orang Eropah mencipta dan mengenali perkataan 'civilization'. Buku Ibn Khaldun berhubung dengan 'civilization' itu telah diberi nama *al-Mugaddimah li Kitab al-'Ibar*.<sup>3</sup> Menurut Ibn Khaldun, biasanya sesebuah masyarakat yang berperadaban (*a civilized society*), mempunyai beberapa ciri tertentu: ianya menganuti satu agama yang mulia dan tinggi pengajarannya, sebuah negara yang tersusun baik, memiliki satu sistem undang-undang, kota yang maju, sistem tulisan yang maju dan bentuk-bentuk seni dan senibina yang tinggi mutunya. Konsep *al-'Umran*, sebagaimana dipelopori oleh Ibn Khaldun, meliputi seluruh aspek perkembangan dan kemajuan masyarakat. Pengajaran tamadun ini diberi nama oleh beliau dengan '*Ilm al-'Umran*'.<sup>4</sup>

Daripada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa *al-'Imarah*, di dalam pengertian yang luas, adalah sebagai satu metode pengembangan dan perancangan *al-'Umran* dan kedua-dua perkataan ini tidak boleh dipisahkan, sama ada dari segi pengertian, ataupun kerana keduanya mempunyai maksud yang sama *mutaradif* (*synonyms*), pada amalannya.

<sup>3</sup> Abu Zaid 'Abd al-Rahman b. Khaldun (Ibn Khaldun), terjemahan dari bahasa Arab ke Bahasa Inggeris oleh Franz Rosenthal (London, 1958), h. IXXVI (Translator's Introduction).

<sup>4</sup> Untuk penjelasan lanjut, lihat M.A.J. Beq, *Islamic and Western Concepts of Civilization* (Kuala Lumpur, 1982).

## **Prinsip-prinsip Pembangunan Dalam Islam**

Pembangunan, sama ada dengan mengguna istilah *development* (pembangunan), *progress* (kemajuan), atau *modernization* (pemodenan), di dunia sekarang sedang menghadapi berbagai krisis. Ini telah dipersetujui oleh kebanyakan sarjana pembangunan.<sup>5</sup>

Dalam sejarah manusia, kemelut pembangunan ini telah berlaku sejak zaman Nabi Adam 'a.s. lagi, apabila baginda dan isterinya, Hawwa', memakan buah Khuldi yang diharamkan oleh Allah di Syurga.<sup>6</sup> Baginda dan isterinya telah melakukan, dalam istilah pembangunan, penyalahgunaan ilmu dan kuasa yang ada pada mereka berdua.<sup>7</sup> Kedua-duanya telah dikeluarkan daripada syurga dan tidak dapat menikmati tinggal di dalamnya lagi.<sup>8</sup> Kemelut hakmilik pula telah menguasai Qabil (anak Nabi Adam 'a.s.) sehingga beliau menjadi bakhil dan berhasad dengki terhadap saudaranya sendiri, Habil, dan akhirnya ia menjadi pembunuh.<sup>9</sup> Walaupun begitu, kemelut kepenggunaan di dalam pembangunan yang telah berlaku kepada Adam 'a.s. dan isterinya di Syurga telah menjadi warisan percubaan dan ujian kepada seluruh generasi keturunan keduanya,<sup>10</sup> untuk menentukan siapakah antara mereka yang benar-benar dapat meletakkan pengurusan dan pentadbiran pembangunan di bumi ini pada tempatnya.<sup>11</sup> Sejak Nabi Adam 'a.s. sehingga Nabi

---

<sup>5</sup> Lihat Birou, Alian, Henry, Paul-Marc dan John P. Schlegel, *Towards A Redefinition Of Development* (Oxford, 1977).

<sup>6</sup> Al-Baqarah (2): 35 - 36; al-Anbiya' (20): 115 - 121.

<sup>7</sup> Al-Baqarah (2): 35; al-Anbiya' (20): 121

<sup>8</sup> Al-Baqarah (2): 36; al-Anbiya' (20): 123

<sup>9</sup> Al-Ma'idah (5): 27 - 32

<sup>10</sup> Al-Kahf (18):7; al-Mulk (67):2

<sup>11</sup> Al-Baqarah (2):36; al-Anbiya' (20):123

Muhammad s.a.w. sudah banyak rasul-rasul diutuskan untuk membina kembali pembangunan tamadun yang telah dirosakkan oleh setiap generasi silam disebabkan oleh kekufturan mereka terhadap Allah dan rasul-rasul-Nya 'a.s.<sup>12</sup> Melalui Islam, agama yang diredai oleh Allah, erti falsafah pembangunan sebenar ditunjukkan untuk menggarap pembangunan generasi manusia sepanjang zaman.

Apakah falsafah pembangunan dalam Islam? Menurut Islam, falsafah pembangunan hendaklah berteraskan kepada:

1. *Tawhid* - Kepercayaan kepada keesaan Allah dan mempunyai hubungan dengan konsep *Hablun Min Allah* (Hubungan Allah-Manusia) dan *Hablun Min al-Nas* (Hubungan Antara Sesama Manusia).<sup>13</sup>
2. *Rububiyyah* - Penentuan rezki hanya di dalam kekuasaan Allah. Pembangunan hendaklah diusahakan, tanpa melanggar undang-undang Allah.
3. *Khilafah* - Peranan manusia adalah sebagai *khalifah* Allah di bumi ini. Manusia bertanggungjawab sebagai seorang Muslim terhadap dirinya, ummah dan alam sekitarnya. Tanggungjawab ini adalah sebagai amanah yang wajib dijalankan.
4. *Tadhkiyyah* - Penyucian dan pendidikan jiwa untuk pencapaian matlamat pembangunan fizikal. Melalui proses *tadhkiyyah* ini sahajalah, manusia akan memperolehi kejayaan dunia dan akhirat (*falah*).<sup>14</sup>

---

<sup>12</sup> Al-Ra'd (13):32; al-Rum (30):9; Sad (38): 12 - 14; Qaf (50):12 - 14

<sup>13</sup> Ali 'Imran (3): 112

<sup>14</sup> Khurshid Ahmad, 'Islam and the Challenge of Economic Development', dalam *The Challenge Of Islam*, suntingan Altaf Gauhar (London, 1978), h. 346.

Setelah empat asas pembangunan di atas ditanam kepada dan dilakukan oleh setiap individu Muslim, mereka hendaklah memahami pula prinsip-prinsip pembangunan di dalam falsafah pembangunan dalam Islam. Prinsip-prinsip itu ialah:

- i. Konsep pembangunan dalam Islam bersifat konprehensif yang merangkumi moral, spiritual dan aspek-aspek material.
- ii. Proses pembangunan hendaklah dimula dengan diberi keutamaan kepada manusia terlebih dahulu daripada persekitarannya.
- iii. Pembangunan hendaklah mengandungi perubahan, sama ada secara kuantitatif ataupun kualitatif.
- iv. Antara prinsip-perinsip dinamik berhubung dengan kehidupan sosial, Islam menekankan dua cara. Pertama, pendayagunaan sumber-sumber yang Allah kurniakan secara *optimumnya* untuk kegunaan manusia dan pembangunan fizikal alam sekitarnya. Kedua, penggunaan dan pembahagian hasil kekayaan bumi yang diperolehi hendaklah secara adil dan bertujuan meningkatkan perhubungan antara manusia berdasarkan hak dan keadilan. Islam tetap menyanjung tinggi nilai *syukr* (kesyukuran) dan *'adl* (keadilan) dan mengutuk segala kedurjanaan *kufir* (kekufuran) dan *zulm* (kezaliman).<sup>15</sup> Melalui proses ini, Allah mendidik hambanya supaya terus bergerak maju untuk mencapai taraf pembangunan hakiki dan menyeluruh. Pembangunan di dalam Islam ialah pembangunan manusia secara menyeluruh, jasmaniyyah dan rohaniyyah (*a total human development*). Tanpa falsafah yang menentukan prinsip-prinsip pembangunan ini, proses melahirkan *al-'Imarah* akan menghadapi jalan buntu.

### **Nilai-nilai *al-'Imarah***

Sistem nilai dalam *al-'Imarah* hendaklah beralaskan kepada prinsip-prinsip yang berhubungkait dengan etika Islam terhadap alam sekitar. Antara asas-asas nilai itu ialah:

---

<sup>15</sup> Khurshid Ahmad, *op.cit.*, h. 347 - 48

1. *Tawhid*. Pengakuan terhadap ketuhanan Allah Yang Maha Esa ini melambangkan kesatuan dan kesepadan di dalam Islam. Ianya mempunyai kaitan dengan ekonomi, pembangunan atau *al-'Imarah*. Segala perancangan *al-'Imarah* semestinya tunduk kepada ketetapan Allah Yang Maha Esa.<sup>16</sup> Sehubungan dengan itu, semua bentuk nilai di dalam perancangan alam sekitar sewajibnya berasaskan kepada rangka bentuk kesatuan dan *tawhid*, dan tidak mempunyai unsur-unsur kekufuran yang menyesatkan,<sup>17</sup> seperti pembinaan lambang-lambang yang diharamkan. *Tawhid* di sini juga bererti *al-'Imarah* yang tidak membawa unsur-unsur syirik,<sup>18</sup> seperti pembinaan semula tempat-tempat ibadah agama Hindu, Buddha dan lainnya, dan juga pembinaan patung-patung dan pemulihan unsur-unsur pemujaan yang bersifat nativisme. Nilai *al-'imarah* melalui asas *tawhid* ini ialah pembentukan alam sekitar berdasarkan *'ubudiyyah* (pengabdian) kepada Allah secara ikhlas,<sup>19</sup> sebagaimana tujuan manusia diciptakan,<sup>20</sup> harmoni dan berperimbangan (*moderate*),<sup>21</sup> tanpa tujuan bermegah-megah, kerana sifat demikian dikutuk.<sup>22</sup> Pemerintah-pemerintah Negara-negara Islam sekarang perlulah mempertimbangkan bahawa perancang pembangunan hendaklah memberi pertimbangan serius tentang dasar *tawhid* ini. Biasanya kepada mereka kemegahan (*prestige*) sahaja yang dicari, walaupun terpaksa menghadapi risiko-risiko hutang, riba, kejatuhan dan kerosakan moral dan material. Sesuatu yang dibuat bertujuan untuk mengatasi orang lain, sama ada dari segi ukurannya,

---

<sup>16</sup> Seyyed Hossein Nasr, *op.cit.*, h. 231 - 32 dan 241

<sup>17</sup> Al-Ma'idah (5):12

<sup>18</sup> Al-An'am (6):19

<sup>19</sup> Al-Bayyinah (98):5

<sup>20</sup> Al-Dhariyat (51):56

<sup>21</sup> Al-Baqarah (2):142

<sup>22</sup> Al-Nisa' (4):36; al-Hadid (57):20

keanihan, kecanggihan dan keanggunannya dan kalau boleh mereka mahu semua ciptaan dan perbuatan mereka dimasukkan ke dalam "the Guiness Book of Records". Ini semua bertentangan dengan dasar *tawhid*.

## 2. *Khilafah dan Amanah*

Tema utama di dalam al-Qur'an ialah mengenai penciptaan manusia.<sup>23</sup> Penciptaannya adalah bertujuan untuk merealisasikan 'ubudiyah (pengabdian) kepada Allah.<sup>24</sup> Untuk melengkapkan manusia bagi menjalankan tanggungjawab berat ini, manusia dibekalkan dengan 'aql (*discursive intellect*) dan kuasa konseptualisasi.<sup>25</sup> Manusia adalah makhluk termulia,<sup>26</sup> yang membawa di dalam tubuhnya roh Allah,<sup>27</sup> dan terhadapnya para malaikat sujud (menghormatinya).<sup>28</sup> Dengan persediaan yang ada pada dirinya ini, manusia telah dipertanggungjawab menjalankan tugas sebagai pemegang jawatan *khilafah* (wakil-pengurus), yang menjalankan urustadbir bumi ini supaya ianya terus ma'mur.<sup>29</sup> *Khilafah* ini tidak boleh dipisahkan dengan *amanah*, yang juga telah dibebankan kepada manusia menunaikannya.<sup>30</sup> Pengertian *amanah* ini terlalu umum, termasuk semua tanggungjawab, perjanjian yang dibuat atau dikenakan ke

---

<sup>23</sup> Lihat Maurice Beaucaile, *The Bible, The Qur'an And Science* (Indianapolis, 1978); *What Is the Origin Of Man* (Paris, 1982)

<sup>24</sup> Al-Dhariyat (51):56

<sup>25</sup> Al-Baqarah (2):31

<sup>26</sup> Al-Isra' (17):70

<sup>27</sup> Al-Sajdah (32):9

<sup>28</sup> Al-Baqarah (2):34; Taha (20):116

<sup>29</sup> Al-An'am (6):165; al-Nur (24):55

<sup>30</sup> Al-Nisa' (4):58; al-Anfal (8):27; al-Ahzab (33):72

atas mana-mana pihak<sup>31</sup> termasuk kontrak di dalam rumah tangga, urusniaga, kejuruteraan, pembangunan dan lain-lain lagi. Penilaian untuk menjaga dan menentukan keharmonian antara manusia dan tabiat semulajadi dan lain-lain bentuk penilaian juga dianggapkan suatu *amanah*, yang mempunyai hubungan dengan konsep *khilafah*.<sup>32</sup> Dari pemahaman terhadap konsep *khilafah* dan *amanah* ini akan lahirlah sistem nilai di kalangan ahli-ahli profesional, pembangunan alam sekitar seperti arkitek, jurutera, dan masyarakat yang berpegang teguh dengan agama untuk membentuk suatu pembangunan tamadun yang berlandaskan kepada *'Imarah Islamiyyah*. Tanpa sistem nilai ini, banyak gejala-gejala akan timbul kepad alam sekitar, seperti hujan asid, pencemaran udara, bumi, laut dan lainnya.

Manusia, sebagai pemegang tugas *khilafah* dan *amanah*, bertanggungjawab menentukan kesejahteraan dan keselamatan alam sekitar dan bumi ini ataupun sebaliknya.<sup>33</sup>

### 3. *Syari'ah (undang-undang) dan Akhlaq (kesusilaan)*

Islam tidak memisahkan antara *Syari'ah* dan *akhlaq* (kesusilaan). Setiap perancangan *al-'Imarah* semestinya patuh kepada *Syari'ah* dan *akhlaq*, sebagaimana yang telah diperintahkan oleh Allah. Sehubungan itu perancangan *al-'Imarah* hendaklah di atas dasar kesederhanaan.<sup>34</sup> Islam melarang hidup, termasuklah perancangan pembangunan, yang mementingkan kemewahanan *taraf/luxury*). Kemewahan disifatkan sebagai satu

---

<sup>31</sup> Cf. Abu Bakr b. 'Ali al-Razi al-Jassas, *Ahkam al-Qur'an*, II (Beirut, 1335H.), h. 207

<sup>32</sup> S. Parvez Manzoor, 'Environment and Values: the Islamic perspective', dalam *The Touch of Midas* (suntingan Ziauddin Sardar (Petaling Jaya, 1988), h. 156 - 57

<sup>33</sup> Al-Rum (30):41

<sup>34</sup> Al-Baqarah (2):195; al-Furqan (25):67; al-Talaq (65):7

kezaliman.<sup>35</sup> Kemewahan yang melampau boleh membawa keruntuhan sesebuah negara.<sup>36</sup> Kemewahan juga boleh menyebabkan kekufuran.<sup>37</sup>

Pemborosan (*israf/prodigality*) juga dilarang<sup>38</sup> dan boleh membawa kesesatan.<sup>39</sup> Seterusnya, Islam mengutuk perbuatan pembaziran,<sup>40</sup> korupsi/rasuah, penipuan<sup>41</sup> dan amalan riba.<sup>42</sup> Semua perbelanjaan hendaklah dilakukan daripada sumber harta yang halal dan baik.<sup>43</sup> Pengurusan perbelanjaan seharusnya tidak boros dan tidak pula bakhil.<sup>44</sup> Perbelanjaan secara boros atau kedekut boleh mengakibatkan kecelaan dan penyesalan.<sup>45</sup> Islam mengarahkan supaya setiap penilaian terhadap perancangan *al-Imarah* dilakukan selaras dengan undang-undang Islam, menurut peraturan *masalih* (kepentingan atau keperluan dan kebaikan sosial/*social goods*) dan *mafasid* (keburukan sosial/*social evils*), sebagaimana yang disaran oleh al-Imam al-Ghazzali. Susunan hirarki *masalih* (kepentingan dan kebaikan sosial) telah ditentukan oleh undang-undang Islam, iaitu *masalih tahsiniyyah* (kepentingan atau keperluan pengelokan/pembangunan yang menyempurnakan kesusilaan dan

---

<sup>35</sup> Hud (11):116

<sup>36</sup> Al-Isra' (17):16

<sup>37</sup> Saba' (34):34

<sup>38</sup> Al-An'am (6):141

<sup>39</sup> Ghafar (40):28 dan 34

<sup>40</sup> Al-Isra' (17): 26 - 27

<sup>41</sup> Al-Baqarah (2):188; al-Nisa' (4):29

<sup>42</sup> Al-Baqarah (2):275 - 80

<sup>43</sup> Al-Baqarah (2):168 dan 172

<sup>44</sup> Al-Furqan (25):67

<sup>45</sup> Al-Isra' (17):29

estetik). *Masalih Daruriyyah* (kepentingan atau keperluan mendesak) di sini termasuk apa yang dimaksudkan perlindungan terhadap *din* (agama/cara hidup), *nasl* (keturunan, generasi, keluarga), *'aqil* (pemikiran, pendidikan, logik), *nafs* (jiwa) dan *mal* (harta).<sup>46</sup>

Keseluruhan norma-norma ini dikembangkan untuk tujuan pembangunan kebendaan, termasuklah perancangan pembangunan tanah, perumahan, perbandaran, perkampungan, perhutanan dan pelancongan. Norma-norma ini juga perlu dikembangmajukan dalam keindahan senibina dan alam sekitar, kerana Allah kepada keindahan.<sup>47</sup> Keharmonian antara alam sekitar, *landscape* dan kemasyarakatan juga perlu diwujudkan supaya tidak berlaku seperti apa yang berlaku kepada projek Perumahan Pruitt-Igos di St. Louis, Amerika yang terpaksa diruntuhkan walaupun setelah 15 tahun dibina. Keputusan meruntuhkan ini difikirkan sebagai jalan yang terbaik untuk mengatasi masalah sosial di kawasan itu. Keharmonian ini juga perlu wujud di dalam setiap projek supaya bersesuaian dengan alam sekitar.

### ***Kesimpulan.***

Allah di dalam al-Quran, telah menetapkan beberapa ordinan berhubung dengan *al-'Imarah* dan mewajibkan ummah Islam bersatu tenaga untuk membina alam sekitar yang sihat mengikut prinsip-prinsip yang telah ditentukan olehNya. Perintah-perintah ini ditujukan kepada pihak profesional di dalam bidang pembangunan tamadun atau *al-'Imarah*, supaya mereka mengambil bahagian di dalam aktiviti pembinaan alam sekitar dan tamadun, sama ada ia seorang *mi'mari* atau tidak. Allah telah menyeru semua pihak, sebagaimana tercatit di dalam al-Quran yang bermaksud:

---

<sup>46</sup> Abu Hamid Muhammad b. Muhammad al-Ghazzali, *al-Mustasfa Min 'ilm al-Usul* (Kaherah, 1356/1937), h. 139 - 40

<sup>47</sup> Ahmad b. Hanbal, *Musnad*, IV (Beirut, 1398/1978), h. 133 - 34

*"Tidaklah layak orang-orang musyrik itu memakmurkan masjid-masjid Allah, sedang mereka mengakui bahawa mereka sendiri kafir. Itulah orang-orang yang sia-sia pekerjaannya, dan mereka kekal di dalam neraka. Hanya yang memakmurkan masjid-masjid Allah ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari kemudian, serta tetap mendirikan salat, menunaikan zakat dan tidak takut (kepada sesiapa pun) selain Allah, maka merekaalah orang-orang diharapkan termasuk golongan orang-orang yang mendapat petunjuk." ( Al-Tawbah (9): 17-18 )*

Kenapa disebut *masjid* di dalam ayat-ayat di atas? Sebagai jawapannya setiap bangunan didirikan adalah untuk dijadikan tempat *sujud* kepada Allah dan tempat mengabdikan kepada Allah. Malahan kepada setiap muslim yang beriman, pembangunan dengan erti yang luas ialah pengabdiannya kepada Pencipta Yang Maha Berkuasa. Orang-orang *musyrik* tidak melakukan *ta'mir*, (pembangunan) bumi Allah ini sebagai tempat pengabdian kepada Allah, kerana mereka menafikan keesaan Allah. Mereka, sepatutnya, tidak boleh menafikan kebenaran yang dianut oleh manusia terhadap Allah dan misi *khilafah* mereka di bumi ini dan pada masa yang sama membentuk alam sekitar yang sesuai untuk penghidupannya di bumi ini. Kalau mereka menafikan kebenaran demikian, bererti mereka telah menafikan kewujudan Pencipta mereka sendiri. Pernyataan ini telah menimbulkan satu soalan:

Siapakah sebenarnya yang boleh membentuk dan membangun permukaan bumi ini sebagai satu tempat yang sesuai untuk *sujud* (pengabdian) kepada Allah? Ayat di atas telah pun menjawabnya dengan jelas bahawa mereka yang berkeupayaan melakukannya ialah mereka yang:

1. Beriman kepada Allah;
2. Beriman kepada hari kemudian;

3. Tetap mendirikan solat
4. Menunaikan zakat, dan
5. Tidak takut (kepada sesiapa pun) selain Allah

*"Dia telah menciptakan kamu dari bumi (tanah) dan menjadikan kamu pemakmurnya, kerana itu mohonlah ampunan-Nya, kemudian bertaubatlah kepada-Nya." ( Hud (11):61 )*

Allah juga menegaskan di dalam al-Qur'an yang bermaksud:

*"Dan apakah mereka tidak mengadakan perjalanan di muka bumi dan memperhatikan bagaimana akibat (yang diderita) oleh orang-orang sebelum mereka? Orang-orang itu adalah lebih kuat dari mereka (sendiri) dan telah mengolah bumi (tanah) serta memakmurkannya lebih banyak dari apa yang telah mereka makmurkan. Dan telah datang kepada mereka rasul-rasul mereka dengan membawa bukti-bukti yang nyata. Maka Allah tidak sekali-kali berlaku zalim kepada mereka, akan tetapi merekalah yang berlaku zalim kepada diri mereka sendiri." ( al-Rum (30):9 )*

